



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“OPS KHAS ROADWORTHINESS KENDERAAN PERDAGANGAN”

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia mengambil perhatian serius terhadap **kes kemalangan jalan raya** yang melibatkan **kenderaan perdagangan** terutamanya **kenderaan berat jenis lori rigid** dan juga **kenderaan bersendi** dalam tempoh enam (6) bulan pertama, tahun ini. Berdasarkan statistik pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), mulai **Januari sehingga Jun 2022**, sebanyak **19,888 buah lori** telah direkodkan terlibat dalam kemalangan di jalan raya seluruh Malaysia. Jumlah itu menunjukkan peningkatan **sebanyak 28 peratus** berbanding **tahun 2021 iaitu 15,487 buah lori** bagi tempoh yang sama. Hasil siasatan yang dilaporkan, terdapat kemalangan yang berpunca daripada masalah teknikal kenderaan itu sendiri seperti **kegagalan sistem brek berfungsi dengan lebih baik**.

Bagi mengurangkan peningkatan risiko kemalangan jalan raya terutamanya yang melibatkan kenderaan perdagangan, JPJ telah merancang tindakan bersepadu melalui pemantauan dan peningkatan intensiti penguatkuasaan *roadworthiness* termasuk memperketat **Prosedur Operasi Standard (SOP)** pemeriksaan kenderaan dengan kerjasama PUSPAKOM selaras dengan **Seksyen 12 Akta Pengangkutan Jalan**

(APJ) 1987 di mana setiap kenderaan perdagangan perlu menjalani pemeriksaan awalan dan pemeriksaan berkala (66B APJ 1987) di PUSPAKOM mengikut ketetapan peraturan semasa bagi memastikan kenderaan adalah selamat semasa digunakan di jalan raya.

Justeru, pada hari ini, **Ops Khas Roadworthiness Kenderaan Perdagangan**, menumpukan perhatian kepada penilaian standard dan tahap pematuhan **pemeriksaan** di PUSPAKOM berhubung **kualiti penyelenggaraan teknikal kenderaan perdagangan** ke arah memastikan kenderaan yang lulus pemeriksaan telah **mencapai jaminan keselamatan tinggi** untuk keselamatan semua pengguna jalan raya. Ops hari ini juga bertujuan untuk **meningkatkan literasi kepentingan penyelenggaraan berkala yang selamat** iaitu **sebelum, semasa dan selepas** operasi di pihak Syarikat secara harian.

Ops Khas hari ini menggunakan kekuatan seramai **36 anggota JPJ** termasuk **Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)** dalam melakukan pemeriksaan seperti pemeriksaan **Lesen Memandu, Lesen Kenderaan Motor (LKM), Lesen Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam dan Barang** serta **ujian saringan air kencing pemandu**.

Sayugia dimaklumkan, JPJ juga akan melaksanakan beberapa **penambahbaikan** terhadap **prosedur pemeriksaan kenderaan** di PUSPAKOM, seperti berikut:

- i. **Meningkatkan frekuensi pemantauan dan audit operasi PUSPAKOM oleh pegawai JPJ (secara mingguan)**

- terutamanya cawangan PUSPAKOM yang menjalankan pemeriksaan kenderaan berat;
- ii. Mengarahkan pihak PUSPAKOM untuk melaksanakan pemantauan operasi dalaman secara lebih kerap di setiap cawangan;
 - iii. Menyemak semula prosedur pemeriksaan bagi item yang melibatkan tahap keselamatan yang tinggi seperti pemeriksaan brek, tayar dan komponen lain lagi yang akan dikenalpasti dalam masa terdekat.

Jabatan ini ingin mengingatkan kepada **semua pengusaha pengangkutan** dan juga **pemandu kenderaan** terutamanya **kenderaan perdagangan** supaya sentiasa mematuhi semua peraturan jalan raya yang telah ditetapkan termasuk membuat **pemeriksaan berkala** di PUSPAKOM. Jabatan ini **tidak akan berkompromi** terhadap sebarang kesalahan terutamanya kegagalan melaksanakan aktiviti penyelenggaraan harian sebagaimana digariskan dalam **Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010 (ICOP)** dan kegagalan mematuuhinya akan diambil tindakan penyitaan dibawah **Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333)** dan **Akta Pengangkutan Awam Darat 2010**.

**KETUA PENGARAH
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

8 OGOS 2022

[TAMAT]